


SMK Putrajaya Presint 16 (1) dinobat johan KEMPAS 2013



Zainudin (kiri), Faridah dan Ridzuan (tiga dari kiri) bersama johan pertandingan KEMPAS 2013, SMK Putrajaya Presint 16 (1) di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong.

[FOTO ROSDAN WAHID / BH]

» Program anjuran Fakulti Perhutanan UPM tingkatkan kesedaran generasi muda menjaga hutan

Oleh Norhidayah Che Din
norhidayah_chedin@bh.com.my

► Puchong

Berpengertahan luas dalam ilmu alam sekitar serta sikap tidak kedekut ilmu terhadap pihak lawan membawa tuah kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 16 (1) apabila dipilih sebagai Johan dalam Kem Alam Semula Jadi Peringkat Kebangsaan (KEMPAS) 2013.

Kemenangan dalam program anjuran Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu membolehkan pasukan berkenaan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000, piala pusingan dan sijil pencapaian serta wang tunai RM250 bagi setiap peserta.

Salah seorang daripada tiga peserta sekolah itu, Nur Aqilah Ilias, 16, berkata pertandingan yang bertemakan ‘Hutan dan Air’ di Hutan Simpan Ayer Hitam, di sini memberi kesedaran kepadanya betapa pentingnya

“Sebagai orang awam kita perlu mempunyai kesedaran untuk memulihara kawasan hutan dengan baik”

Nur Aqilah Ilias,
Peserta KEMPAS 2013

Berita Pendidikan BH, Ridzuan Yop dan wakil ExxonMobil, Hazizi Hassan.

Penyertaan 14 sekolah yang mewakili setiap negeri menyaksikan SMK Trolak, Perak mendapat tempat kedua, manakala SMK Bertam Indah, Pulau Pinang (ketiga) di samping Anugerah KEMPAS yang dipertanding secara individu memihak kepada Amirul Zikri Azman, 16 dari Maktab Sultan Ismail, Kelantan.

Melahirkan pemimpin cintakan alam

Sementara itu, Faridah Hanum berkata objektif kem itu ialah untuk memberi kesedaran kepentingan alam semula jadi melalui kajian lapangan serta memupuk minat pelajar sekolah terhadap bidang pendidikan alam semula jadi.

“Kajian lapangan itu membabitkan lapan modul yang merangkumi kajian ke atas rimba, air, iklim, tanah, flora dan fauna serta ekologi.

“Sehubungan itu usaha ini diharap dapat melahirkan pemimpin akan datang yang peka terhadap kesejahteraan alam sekitar seterusnya memimpin masyarakat ke arah itu,” katanya.